

SULIT

NAMA :

TINGKATAN :

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
KUALA LUMPUR**

MODUL TOP 5 KUALA LUMPUR 2025

PERNIAGAAN 3766/1

TINGKATAN 5

Kertas 1

1 Jam 15 minit



JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Tiap- tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap pilihan jawapan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

Untuk Kegunaan Pemeriksa		
Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
1-40	40	
JUMLAH	40	

Kertas peperiksaan ini mengandungi 15 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

- 1 Antara berikut, yang manakah merupakan matlamat penubuhan organisasi bukan bermotifkan keuntungan (OBBU)?
- A Memperolehi keuntungan
 - B Memenuhi keperluan dan kehendak pengguna
 - C Mengembangkan dan memastikan kelangsungan organisasi
 - D Meningkatkan penglibatan sektor awam dalam kegiatan masyarakat
- 2 Gambar 1 berkaitan dengan sejenis pemilikan perniagaan.



Gambar 1

Apakah kelebihan jenis pemilikan perniagaan tersebut?

- A Bebas menguruskan perniagaan
 - B Diuruskan secara perkongsian
 - C Hayat perniagaan berterusan
 - D Liabiliti terhad
- 3 Maklumat berikut merujuk kepada jenis rakan kongsi.

- Menanggung liabiliti tidak terhad
- Tidak aktif dalam pengurusan
- Menyumbang modal sahaja

Apakah jenis rakan kongsi tersebut?

- A Rakan kongsi biasa
- B Rakan kongsi lelap
- C Rakan kongsi berhad
- D Rakan kongsi nominal

4 Pernyataan manakah yang benar tentang ciri-ciri perniagaan francais?

- A Francaisor dikenakan kawalan berterusan oleh francais
- B Francaisor membuat bayaran berbentuk fi kepada francais
- C Francaisor beroperasi mengikut sistem yang telah ditetapkan oleh francais
- D Francaisor dan francais boleh menjalankan aktiviti perniagaan secara berasingan

5 Maklumat yang berikut berkaitan dengan klasifikasi perniagaan.

Syarikat Petroleum Niaga menjalankan aktiviti perlombongan petroleum di Terengganu. Syarikat tersebut mempunyai 1000 orang pekerja.

Manakah yang menerangkan klasifikasi perniagaan syarikat tersebut?

	Sektor Perniagaan	Saiz Perniagaan
A	Sektor utama	Kecil
B	Sektor kedua	Sederhana
C	Sektor utama	Besar
D	Sektor ketiga	Besar

6 Maklumat berikut berkaitan dengan skala perniagaan bagi Nenas Sedap Enterprise.

Nenas Numberwan Enterprise merupakan pengeluar produk berasaskan nenas. Produk keluaran perniagaannya di pasarkan ke seluruh Malaysia, Indonesia dan Singapura.

Apakah skala perniagaan yang terlibat?

- A Kebangsaan
- B Domestik
- C Global
- D Zon

7 Apakah peranan Bank Negara Malaysia?


- A Menyediakan bantuan kewangan kepada usahawan
- B Menawarkan pembiayaan kepada orang ramai
- C Memantau dan mengawal keadaan ekonomi
- D Menerbitkan syer syarikat awam berhad

- 8 Maklumat berikut berkaitan dengan langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi sejenis pengangguran.

- Kerajaan membuat perancangan ekonomi sesuai dengan trend perubahan perniagaan.
- Menyediakan latihan dan pendidikan tinggi selari dengan perubahan tuntutan semasa dalam tenaga kerja.

Apakah jenis pengangguran yang cuba diatasi oleh kerajaan?

- A Pengangguran kitaran
B Pengangguran struktur
C Pengangguran teknologi
D Pengangguran bermusim
- 9 Rajah 1 berkaitan dengan pengeluaran kasut oleh Syarikat Menmen Berhad pada tahun 2023.



Rajah 1

Apakah tindakan yang perlu dilakukan bagi menangani jualan sedemikian?

- I Mengeluarkan produk baharu
II Meneroka pasaran di tempat lain
III Memulakan perniagaan yang baharu
IV Meningkatkan pengeluaran secara besar-besaran
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

10 Antara yang berikut, manakah merupakan kesan perubahan persekitaran perniagaan dari aspek undang-undang?

- I Lambakan barang import
- II Pembangunan dalam teknologi
- III Kewujudan sistem perniagaan secara adil
- IV Melindungi hak semua pihak dalam perniagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

11 Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan pembentukan visi, misi dan objektif (VMO) sesebuah organisasi?

- I Merupakan panduan dalam pengurusan organisasi
- II Merupakan asas pembentukan strategi perniagaan
- III Dijadikan asas untuk mendapat pembiayaan bank
- IV Dibentuk untuk mencapai matlamat jangka pendek

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

12 Pilih pasangan yang betul.

	Faktor Dalaman	Faktor Luaran
A	Teknologi terkini membolehkan perniagaan lebih berdaya saing	Sumber kewangan yang kukuh merupakan kekuatan perniagaan
B	Perniagaan peringkat domestik hanya melibatkan perundangan dalam negara sahaja	Perkembangan teknologi membolehkan kuantiti pengeluaran ditingkatkan
C	Pekerja akan menyumbang tenaga dan kepakaran berdasarkan kemahiran	Amalan dan cara hidup yang diamalkan oleh sesuatu kaum akan mempengaruhi pembelian produk
D	Keadaan ekonomi dipengaruhi oleh kitaran ekonomi serta dasar kewangan negara	Kawalan kualiti terhadap sesuatu produk akan meningkatkan keyakinan pengguna untuk membeli

13 Situasi yang manakah menerangkan kos berubah?

- A Syarikat Hebat membayar premium insurans kebakaran RM500 sebulan
- B Nina Trading membayar ansuran kereta sebanyak RM800 sebulan
- C Amin Enterprise membayar sewa premis sebanyak RM3 000 sebulan
- D Kafe Persona membayar kos bahan mentah sebanyak RM 1 000 sebulan


- 14 Maklumat berikut berkaitan dengan suatu bahagian fungsian.

En. Arif bekerja di syarikat pengeluaran kasut. Dia menghubungi beberapa pembekal untuk mendapatkan sebut harga.

Apakah bahagian yang terlibat?

- A Pemasaran
- B Pengagihan
- C Pentadbiran
- D Pembelian

- 15 Maklumat berikut berkaitan dengan saluran agihan.



Apakah S?

- A Pengeluar → pengguna
 - B Pengeluar → peruncit → pengguna
 - C Pengeluar → pemborong → peruncit → pengguna
 - D Pengeluar → ejen → peruncit → pengguna
- 16 Puan Rohaya bekerja di bahagian pentadbiran sebuah syarikat. Apakah tugas beliau?
- A Mengedarkan produk kepada pengguna
 - B Menyelia fail dan dokumen syarikat
 - C Menentukan pemilihan pembekal yang sesuai
 - D Menjawab pertanyaan pelanggan.

- 17 Maklumat berikut berkaitan dengan aplikasi teknologi maklumat dalam perniagaan.

- Memenuhi kehendak pelanggan secara berterusan
- Menyediakan tempahan, pembelian dan pembayaran secara dalam talian

Apakah aplikasi tersebut?

- A e-dagang
- B e-pemasaran
- C e-government
- D e-banking

18 Pilih pasangan yang betul.

	Perniagaan kecil	Perniagaan besar
A	Bahagian pentadbiran terlibat dalam setiap urusan	Bahagian pentadbiran terlibat apabila maklumat diperlukan
B	Bahagian jualan perlu memaklumkan bahagian pembelian barang	Bahagian jualan turut melaksanakan fungsi bahagian pembelian
C	Khidmat pelanggan menghantar maklum balas daripada pelanggan	Khidmat pelanggan dilaksanakan kepada pelanggan terpilih sahaja
D	Bahagian sumber manusia berhubung dengan bahagian kewangan berkenaan gaji	Bahagian sumber manusia hanya melaksanakan tugas pengambilan pekerja

19 Manakah peranan pengurusan sumber manusia dalam sesebuah perniagaan?

- A Standard prosedur operasi tugas
- B Pemantapan budaya profesional
- C Penempatan pekerja dan fasiliti
- D Penghargaan dan hukuman

20 Maklumat berikut berkaitan dengan aspek pengelolaan sumber manusia.

- Dokumen arahan bertulis untuk mencapai keseragaman pelaksanaan tugas.
- Melibatkan pengendalian dokumen seperti pelan, peraturan, pematuhan dan dasar bagi memastikan kerja dilaksanakan piawaian yang ditetapkan.

Apakah tujuan aspek pengelolaan sumber manusia terlibat?

- A Meningkatkan motivasi pekerja
- B Mengekalkan kesetiaan pekerja
- C Memelihara keselamatan pekerja
- D Menempatkan pekerja

- 21 Situasi berikut berkaitan dengan sistem penggajian sesebuah perniagaan.

P	Pekerja menerima ganjaran pada setiap akhir tahun berdasarkan prestasi perniagaan
Q	Pekerja menerima ganjaran berdasarkan jumlah jualan yang diperolehi

Apakah P dan Q

	P	Q
A	Elaun	Upah
B	Elaun	Komisen
C	Bonus	Komisen
D	Bonus	Upah

- 22 Antara berikut, yang manakah sumber fizikal dalam operasi sebuah perniagaan menghasilkan makanan ?

- I** Tepung gandum
- II** Ketuhar
- III** Resepi
- IV** Tukang masak

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

23 Gambar 2 berkaitan aktiviti penyelenggaraan sumber fizikal.



Gambar 2

Antara berikut, yang manakah kepentingan aktiviti tersebut?

- I Memastikan operasi kedai berjalan lancar
- II Menguruskan ganti rugi secara terancang
- III Mengelakkan penyalahgunaan aset.
- IV Menjamin keselamatan semasa digunakan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

24 Maklumat berikut berkaitan dengan syarikat perfileman.

Sebuah filem bertajuk Ejen Adam II yang baharu diterbitkan telah didaftarkan di bawah Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) untuk mendapatkan perlindungan hak cipta terpelihara.

Mengapakah syarikat berkenaan berbuat demikian?

- A Melindungi filem dari di curi
- B Melindungi filem dari cetak rompak
- C Mengelakkan pelakon dari risiko kecederaan
- D Mengelakkan kamera syarikat dari risiko kecurian


25 Berikut merupakan dialog antara Encik Fatah dan Encik Halim.



Berdasarkan dialog, apakah X?

- A Pajakan
 - B Overdraif
 - C Ar Rahn
 - D Pemfaktoran
- 26 Apakah kelemahan sumber pembiayaan dalaman berbanding pembiayaan luaran?
- A Menyukarkan modal ditambah dalam masa singkat
 - B Menyediakan cagaran dalam bentuk aset bukan semasa
 - C Membayar kadar faedah yang tinggi
 - D Memerlukan penjamin

- 27 Rajah 2 menunjukkan prosedur mendapatkan sumber pembiayaan di Bank Bunga Kemboja.



Rajah 2

Apakah dokumen yang berkaitan dengan prosedur X?

- I Salinan bil utiliti
 - II Lesen perniagaan
 - III Salinan kad pengenalan
 - IV Logo perniagaan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 28 Apakah contoh kos tetap?

- A Bil utiliti
- B Upah pekerja
- C Bahan mentah
- D Premium Insurans

- 29 Maklumat berikut diambil daripada penyata aliran tunai Puan Annur yang bercadang memulakan perniagaan pada bulan Januari 2024.

	RM
Tunai di tangan	60 000
Gaji	30 000
Penerimaan	150 000
Sewa	75 000

Berapakah baki akhir bulan Januari 2024.


- A RM 90 000
B RM 105 000
C RM 210 000
D RM 75 000
- 30 Maklumat berikut berkaitan dengan kecekapan pengurusan stok Syarikat Kasut Selesa Sdn Bhd.

	2023	2024
Nisbah Semasa	4:1	5:1

Antara yang berikut, pernyataan manakah yang betul berkaitan Syarikat Kasut Selesa Sdn. Bhd.?

- I Mampu menjual aset dalam tempoh yang tertentu
II Menunjukkan kecekapan dalam pengurusan operasi
III Mampu mendapatkan tunai untuk dalam masa yang singkat
IV Berkeupayaan menjelaskan hutang jangka pendek perniagaan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 31 Apakah kelebihan usahawan kepada masyarakat?
- A Meningkatkan nilai sumber
B Mewujudkan kerjasama serantau
C Menyediakan pelbagai jenis barang
D Mempercepatkan proses pembangunan ekonomi

- 32 Situasi manakah yang menggambarkan stok bergerak perlahan?
- A Kedai Aisyah menjual pelbagai jenis sayur-sayuran
 - B Puan Azura menerima tempahan 100 bungkus nasi lemak
 - C Pak Ali menjual 30 kilo daging lembu di pasar tani setiap hari
 - D Datin Hani membeli barang kemas mengikut trend terkini
- 33 Antara yang berikut, manakah merupakan keberuntungan perniagaan kepada usahawan?
- I Meningkatkan imej perniagaan
 - II Menyediakan peluang pekerjaan
 - III Mempelbagaikan produk baharu
 - IV Melakukan tanggungjawab sosial
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 34 Rajah 3 berkaitan dengan penubuhan perniagaan.




Rajah 3

Apakah X?

- A Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
- B Akta Perhubungan Industri 1967
- C Akta Perihal Dagangan 1972
- D Akta Kontrak 1950

- 35 Rajah 4 merupakan prosedur pendaftaran sesebuah perniagaan.



Rajah 4

Apakah P?

- A Mendapatkan Sijil Perakuan Pendaftaran
 - B Melantik setiausaha syarikat
 - C Membuat bayaran fi
 - D Mempamerkan sijil
- 36 Antara yang berikut, manakah merupakan tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh usahawan setelah mendaftarkan perniagaan?
- I Melantik setiausaha syarikat
 - II Mempamerkan papan tanda perniagaan
 - III Memperbaharui sijil perakuan pendaftaran perniagaan
 - IV Melakukan tanggungjawab sosial kepada pekerja dan masyarakat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 37 Maklumat berikut berkaitan dengan suatu urusan niaga.

Encik Rahmad membuat belian barang niaga sebanyak RM 15 000 secara kredit daripada Pembekal Raja.

Apakah dokumen urus niaga yang terlibat?

- A Memo
- B Resit
- C Invois
- D Bil Tunai

- 38 Maklumat berikut berkaitan dengan media pengiklanan.


Sebuah klinik kesihatan yang baru dibuka di sebuah taman perumahan ingin mengadakan promosi kepada penduduk sekitar.

Antara yang berikut, media pengiklanan manakah yang sesuai digunakan?

- I Risalah
- II Poster
- III Surat Khabar
- IV Halaman Kuning

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 39 Rajah 5 berkaitan dengan campuran pemasaran.



Rajah 5

Pernyataan yang manakah menerangkan tentang S?

- A Produk yang ditawarkan dapat memenuhi kehendak pengguna.
- B Strategi untuk menyalurkan produk kepada pengguna.
- C Penetapan harga produk yang mengambil kira semua kos.
- D Bentuk komunikasi untuk memujuk pengguna membeli produk.

- 40 Mengapakah rancangan perniagaan yang disediakan dapat meyakinkan pihak bank?

- A Mengurangkan kesilapan dalam menguruskan perniagaan
- B Membolehkan pelaksanaan tanggungjawab sosial
- C Menjadikan operasi perniagaan lebih sistematik
- D Memudahkan usahawan memperoleh sumber perniagaan

KERTAS SOALAN TAMAT